

09/11/1997

Hati tersentuh di kota Pontianak

Norhayani Yahaya

MENGEMBARA, merenung dan memikir keindahan alam ciptaan Ilahi adalah satu kebahagiaan tersendiri bagiku. Oleh itu, aku tidak melepaskan peluang untuk melawat ke serata dunia.

Di sini aku ingin menceritakan pengalaman ketika berpeluang mengikuti Lawatan Budaya Sintok-Kuching-Pontianak (Lanskap). Lanskap dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Malaysia, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Destinasi pertama program ini ialah Sarawak - Bumi Kenyalang. Ketika di Bumi Kenyalang, kami menginap di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Bumi Kenyalang sesungguhnya kaya dengan warisan alam yang tersendiri. Kami sempat mengunjungi Kampung Budaya Sarawak. Di sini ada hampir semua rumah suku kaum di Sarawak.

Kami juga melawat Radio Televisyen Malaysia (RTM) Kuching dan muzium sekitar bandar Kuching.

Setelah tiga hari di Bumi Kenyalang, kami bertolak ke Pontianak dengan menaiki bas Damri.

Perjalanan memakan masa lebih kurang 10 jam, melawati sempadan Malaysia-Indonesia, iaitu Kompleks Imigresen Tebedu dan merentasi kawasan kampung dan bukit-bukau.

Di sesetengah tempat, sistem jalan rayanya agak mundur berbanding dengan kita di Malaysia.

Kadang-kala terasa seperti menaiki `roller coaster' kerana jalannya yang berbukit-bukau.

Kemudahan asas seperti masjid juga tidak begitu selesa. Kami difahamkan, keadaan ini terjadi kerana Indonesia adalah negara yang luas, terpisah, berbukit-bukau dan ini menyukarkan proses urbanisasi.

Aku dapat merasakan betapa bertuahnya hidup di bumi Malaysia yang aman damai.

Setibanya di kota Pontianak, kami disambut mesra oleh pelajar Universitas Tanjung Pura.

Di sebalik raut wajah yang keletihan tersembunyi rasa kepuasan.

Waktu kami tiba, hari hampir malam lalu kami dibawa untuk menikmati makan malam di sebuah restoran berhampiran wisma penginapan.

Makanannya lebih kurang sama seperti makanan di Malaysia, cuma namanya agak berbeza.

Di Pontianak, `fresh orange' senang sekali digelar air limau besar. Jika di Malaysia, air kelapanya diminum begitu saja, tetapi di Indonesia, dalam buah kelapa itu dimasukkan ramuan seperti lincikang di Malaysia.

Pontianak juga terkenal dengan masakan ayam kaget. Di bumi Pontianak ini, aku sempat menikmati keenakan air lidah buaya. Terasa kebesaran Allah ketika menikmati air itu.

Beberapa penduduk tempatan sempat menyapa kami. Lantas apabila kami menyatakan kami datang dari Malaysia, mereka cukup gembira.

Mereka cepat mengenali Malaysia, lebih-lebih lagi perdana menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dr Mahathir cukup terkenal di Pontianak kerana kepemimpinannya yang dikagumi.

Seorang penuntut Universitas Tanjung Pura ada menyatakan kepada saya mengenai hasratnya untuk menemui Dr Mahathir.

Dalam surat yang pernah dikirimkan kepada saya, dia bercadang melanjutkan pelajaran di universiti di Malaysia. Sebagai anak Malaysia, saya rasa bertuah dan bangga.

Kunjungan kami ke Pontianak mendapat liputan akhbar dari sana dan kami

cukup terharu apabila ada pelajar Malaysia di sana datang mengunjungi kami di wisma penginapan.

Ternyata pertautan hati tetap ada biarpun dipisahkan oleh jarak yang beribu kilometer.

Hari kedua di Pontianak, kami berpeluang melawat sekitar Universitas Tanjung Pura (Untan) dan mengadakan sesi interaksi. Kami dilayan mesra lebih-lebih lagi dengan kehadiran Rektor Untan.

Kami dibawa melawat ke muzium Kalimantan Barat yang menyimpan pelbagai khazanah dan warisan zaman silam, termasuk perahu Lancang Kuning yang terkenal itu.

Kami sempat menjamu mata dan membeli-belah di Pasar Sudirman dan sekitar bandar Pontianak.

Barangan di sini agak murah. Aku tidak melepaskan peluang ini untuk membeli sedikit buah tangan.

Satu keunikan di sini, penunggang dan pembonceng motosikal tidak memakai topi keledar biarpun berada di tengah kesibukan bandar.

Bila berada di tempat orang, kesempatan bertemu orang Malaysia adalah satu keseronokan. Walaupun baru pertama kali bertemu, terasa kemesraannya.

Itulah yang terjadi bila kami mengunjungi Pejabat Konsulat Malaysia di Pontianak dalam sesi 'dinner talk' dengan pedagang Indonesia.

Di Indonesia, badan perniagaan mereka dikenali sebagai Kadim, namun fungsinya hampir sama seperti dewan perniagaan di Malaysia.

Ternyata Pontianak mempunyai potensi sebagai pusat pelaburan. Di sini banyak peluang baru yang boleh diterokai seperti industri pelancongan.

Satu keistimewaan Pontianak yang sukar didapati di tempat lain ialah adanya Tugu Khatulistiwa.

Aku rasa bertuah dapat menyaksikan tempat istimewa ini dan memasuki tugu berkenaan.

Menurut catatan, pada 31 Mac 1928, tempat itu dikunjungi satu ekspedisi antarabangsa yang diketuai seorang ahli geografi keturunan Belanda bagi menentukan titik garis di kota Pontianak.

Tugu itu dibina berbentuk tonggak dengan tanda panah dan berjaya disempurnakan pada 1930.

Namun pada 1990, tugu ini diubahsuai dengan pembuatan kubah bagi melindungi tugu asli dan pembinaan tugu kedua yang lima kali lebih besar daripada tugu asal.

Setiap tahun, tanggal 21-23 Mac dan 21-23 September, objek sekitar tugu tidak mempunyai bayang.

Kami juga berkesempatan melawat Istana Kadriah yang menyimpan cerita kesultanan raja zaman silam dan masjid tertua di Pontianak, yang terletak di tebing Sungai Kapuas, sungai terpanjang di Indonesia.

Rata-rata masyarakat di sini tinggal di tebing sungai ini.

Aku tertarik dengan pakaian pelajar sekolah di sini. Mereka memakai skirt, berstokin dan bertudung.

Begitu resam dunia, setiap satu ada keunikan dan keistimewaan tersendiri.

Semuanya menyerlahkan keagungan dan kebesaran kuasa Yang Maha Esa.

Ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sokongan sehingga kami berjaya merealisasikan Lanskap. Budi kalian semua sentiasa di hati.

Buat teman seLanskap, kenangan bersama begitu istimewa dan tersendiri di hatiku.